

Kata-Kata Hikmah Dan Kenangan

Di bawah ini kami kutip kata-kata yang tercantum di dalam pendahuluan tafsir al-Qur'ān al-Karīm

- Fī Zilāl al-Qur'ān – (Di Bawah Naungan Al-Qur'ān) yang dikarang oleh al-Sayyid Qutb, yang syahid di tiang gantungan, digantung oleh pemerintahan Gamal Abdel Nasser, yang telah bekerja keras menghapuskan pengaruh Ikhwān al-Muslimīn di Mesir.



Kata-kata Sayyid Qutb

Hidup di bawah naungan ajaran-ajaran al-Qur'ān adalah suatu nikmat; nikmat yang tiada dapat digambarkan oleh orang yang belum mengecap akan nikmat tersebut.

* * *

Alhamdulillah saya sungguh merasa bahagia setelah saya dapat berlindung hidup di bawah naungan ajaran-ajaran al-Qur'ān dari sejak beberapa masa. Saya telah mengecap beberapa nikmat hidup yang selama ini belum pernah saya kecap. Nikmat inilah yang sentiasa mengangkat darjat hidup dan membersihkan jiwa saya dari daki-daki kelazatan dunia.

* * *

Aku sentiasa bertanya kepada diriku sendiri: Mengapa manusia sanggup hidup bergelimang dengan noda di bawah lembah kehinaan dan kesesatan yang gelap gelita, sedang di hadapan mereka ada terbentang jalan-jalan menuju ke arah hidup mulia yang terang bercuaca?

* * *

Semenjak aku hidup di bawah naungan al-Qur'ān aku dapat melihat rahsia-rahsia kejadian alam dengan lebih jelas. Aku dapat melihat bukan hanya satu alam, tetapi dua alam yang

berlainan corak dan bentuk iaitu alam dunia dan alam akhirat.

* * *

Manusia dijadikan Tuhan bukan hanya sekadar untuk hidup di alam dunia sahaja, tetapi ia akan hidup lebih lama dan kekal di alam akhirat.

* * *

Mati itu bukanlah penghabisan hidup, tetapi ia adalah pertengahan jalan untuk menuju kehidupan yang kekal abadi.

* * *

Apa yang diperolehi oleh seseorang manusia di muka bumi ini bukanlah hak kepunyaannya, tetapi sebahagian daripada nasibnya.

* * *

Kalau semasa di alam dunia ini seseorang itu terlepas daripada sesuatu hukuman, maka semasa ia berada di alam akhirat kelak ia tidak akan terlepas daripadanya. Oleh itu janganlah cuba berbuat zalim dengan merampas dan menipu hak kepunyaan orang lain.

* * *

Dengan berlindung hidup di bawah naungan al-Qur'ān aku mengetahui bahawa di alam wujud ini tidak ada cara kebetulan datang membuat malahan tiap-tiap sesuatu yang dijadikan Allah itu

mempunyai kadar yang tertentu.

* * *

Segala sesuatu yang ghaib itu tidak akan dapat dilihat oleh mata kasar, tidak dapat diketahui oleh perasaan hati yang gelap.

* * *

Seorang Islam itu hendaklah ia berpegang kepada sebab satu-satu kejadian. Tetapi Allah yang mentakdirkan kesan-kesan dan hasil-hasil dari kejadian-kejadian itu.

* * *

Sebab-sebab kejadian itu tidak akan menghasilkan sesuatu usaha itu berjaya, tetapi yang sebenarnya kemahuan hati yang tabah itulah yang mendatangkan hasil dari sesuatu yang diusahakan.

* * *

Merasa puas dengan rahmat dan keadilan Ilahi, dan merasa terhinder daripada segala prasangka dan was-was itulah yang menimbulkan rasa kelazatan hidup.

* * *

Sejak aku hidup di bawah naungan al-Qur'ān, jiwaku sentiasa lapang, perasaanku selalu tenang, aku dapat melihat kekuasaan Allah mengatasi kekuasaan-kekuasaan yang lain.